

SEJARAH PENURUNAN AL-QURAN : IMPLIKASI TERHADAP MANUSIA

MUHAMMAD ZAID BIN SHAMSHUL KAMAR

muhammadzaid@kuis.edu.my

MOHAMAD REDHA BIN MOHAMAD

mohamadredha@kuis.edu.my

SHAHARUDDIN BIN SAAD

shaharuddin@kuis.edu.my

Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Kedatangan Islam pada 1400 tahun yang lalu telah merubah peradaban manusia dari zaman kejahilan kepada kesedaran untuk mentaati Allah. Hal ini selari dengan pendidikan al-Quran yang mendidik manusia ke arah syariat agama yang benar terutama dari aspek penurunan al-Quran yang dilihat mempunyai banyak pengajaran untuk diadaptasi dalam kehidupan. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti implikasi penurunan al-Quran terhadap manusia. Kajian ini adalah berbentuk tinjauan yang bersifat kualitatif dan teoretikal dengan menggabungkan kaedah persejarahan dan analisis dokumen dalam membincangkan penurunan al-Quran dari aspek sejarah. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat implikasi yang positif terhasil impak daripada didikan yang dibawa oleh al-Quran. Oleh itu, pendidikan dan pengajaran yang dibawa oleh al-Quran seharusnya dikekalkan untuk memastikan kelestarian peradaban manusia itu kekal.

Kata kunci: *Al-Quran, Sejarah, Implikasi*

PENDAHULUAN

Al-Quran telah diturunkan kepada utusan Allah s.w.t. yang terakhir ke muka bumi iaitu Nabi Muhammad s.a.w. dengan tujuan untuk membimbing manusia ke arah kebenaran. Peristiwa penurunan al-Quran adalah satu peristiwa yang besar untuk menzahirkan keagungan Allah s.w.t. kepada makhluk ciptaanNya. Antara keunikkan al-Quran berbanding kitab samawi yang lain adalah tempoh penurunannya iaitu selama lebih kurang 23 tahun secara berperingkat dan beransur-ansur (al-Qaththan 2006).

Setiap wahyu yang diturunkan kepada baginda ditulis oleh penulis wahyu baginda dan tidak dikumpulkan di dalam sebuah mushaf. Antara sahabat baginda yang dipertanggungjawabkan untuk menulis wahyu tersebut adalah Zaid bin Tsabit (Abdul Mukti et. al 2014). Walaupun demikian, kebanyakan daripada para sahabat baginda terus menghafaz wahyu-wahyu yang turun tersebut terus ke dalam dada mereka. Selain itu, antara perbandingan al-Quran dengan kitab samawi yang lain adalah al-Quran lebih terjamin penjagaannya sehingga hari kebangkitan. Ini berdasarkan kepada firman Allah s.w.t. di dalam surah al-Hijr ayat 9;

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَفِظُونَ ۙ

(*Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya*).

(Mohamah Nor 2015)

Dalil ini jelas menunjukkan bahawa Allah s.w.t. menjamin kemurnian serta kesucian al-Quran dari segala usaha pemalsuan, penambahan atau pengurangan serta segala bentuk pegubahsuaian yang boleh mengakibatkan keaslian al-Quran itu tercemar.

Al-Quran merupakan wahyu dan kalam Allah. Ia turut bertindak sebagai sumber utama ajaran Islam dan sarat dengan ilmu serta pengajaran yang boleh diambil oleh manusia untuk dijadikan iktibar dan tatacara untuk hidup dengan syariat di muka bumi ini. Melihat kepada keadaan ini, pasti setiap perkara yang bersangkutan dengan al-Quran mempunyai nilainya yang tersendiri. Hal ini tidak kurangnya jika melihat kepada aspek sejarah penurunan al-Quran yang mampu membantu manusia untuk memperbaiki kehidupan sehari-harian sebagai hamba dan hubungan sesama makhluk yang lain.

SEJARAH AWAL PENURUNAN AL-QURAN

Penurunan al-Quran telah dibincangkan oleh para cendekiawan Islam yang merumuskan bahawa terdapat dua peringkat penurunan yang terlibat. Pertama, penurunan dari *Luh Mahfuz* ke *Bait al-Izzah*. Dan kedua, dari *Bait al-Izzah* kepada Nabi Muhammad s.a.w. Penurunan dari *Luh Mahfuz* ke *Bait al-Izzah* adalah secara penurunan tanpa ada kali ke dua atau dengan kata lain dengan sekali gus. Manakala, penurunan dari *Bait al-Izzah* atau langit dunia yang pertama kepada Nabi Muhammad s.a.w. pula adalah secara beransur-ansur melalui perantaraan malaikat Jibrail a.s. yang juga merupakan penghulu segala malaikat.

Ayat terawal yang diturunkan menurut jumhur ulama adalah lima ayat awal daripada surah *al-'Alaq* yang berkisar tentang kepentingan membaca. Ayat tersebut didapati oleh Rasulullah s.a.w. ketika baginda sedang berkhalwat atau bersendirian di Gua Hira. Dengan penurunan ayat ini, maka bermulalah perjalanan baginda sebagai nabi dan rasul untuk umat akhir zaman. Segala kebenaran yang dibawa oleh baginda tidak ada niat yang lain selain untuk memperbetulkan keadaan dan memandu manusia agar mendapat hidayah dan kebenaran yang haqiqi di sebalik kehidupan dunia yang sementara dan penuh dengan penipuan ini.

Ali as-Syaibani mendefinisikan al-Quran sebagai firman Allah yang tiada tandingannya, diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. penutup para nabi dan rasul, dengan perantaraan

Malaikat Jibril dan ditulis pada mushaf-mushaf yang kemudian disampaikan kepada kita secara mutawatir, serta membaca dan mempelajarinya merupakan ibadah, yang dimulai dengan surat al-Fatihah dan ditutup dengan surat an-Nas. Berpanduan definisi tersebut, dapat diketahui bahwa al-Quran hanya diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. yang meliputi semua aspek ibadah dan kehidupan, menjadi penutup dan menyempurnakan kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya, disampaikan sehingga ke hari ini dengan mutawatir tanpa ada kekhilafan serta mendapat pahala dan manfaat jika membaca dan mengamalkannya.

FASA PENURUNAN AL-QURAN

Al-Quran diwahyukan oleh Allah s.w.t. kepada Nabi Muhammad s.a.w. melalui perantara Malaikat Jibrail a.s. Perutusan Malaikat Jibrail a.s. dalam membawa risalah ini dibincangkan dan dipecahkan oleh para ulama kepada dua bahagian. Pecahan tersebut dibahagikan kepada penurunan al-Quran secara sekali gus dan penurunan al-Quran secara beransur-ansur.

Penurunan al-Quran secara sekali gus ini dibincangkan oleh ulama berdasarkan wahyu Allah s.w.t. di dalam surah al-Baqarah ayat 185 yang bermaksud;

(Beberapa hari yang ditentukan itu ialah) bulan Ramadan, bulan yang di dalamnya diturunkan (permulaan) Al Qur'an sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan pembeda (antara yang hak dan yang batil).

Ayat tersebut jelas menyatakan tentang penurunan al-Quran pada bulan Ramadhan. Tetapi terdapat beberapa pendapat ulama tentang metodologi penurunan al-Quran. Pendapat pertama, penurunan al-Quran dari langit dunia ke *Bait al-Izzah* adalah pada malam Lailatulqadar secara sekali gus. Kemudian diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. selama dua puluh tahun, atau dua puluh tiga tahun atau dua puluh lima tahun mengikut kepada perkiraan para ulama. Pendapat ini adalah yang paling masyhur dan paling sah.

Pendapat kedua mengatakan bahawa al-Quran diturunkan pada malam Lailatulqadar iaitu satu malam dari malam-malam pada bulan Ramadhan. Kemudian, diturunkan secara beransur mengikut tempat dan peristiwa. Pendapat yang terakhir, diturunkan al-Quran pada langit dunia pada dua puluh malam Lailatulqadar dari dua puluh tahun, atau dua puluh tiga malam Lailatulqadar dari dua puluh tiga tahun, atau dua puluh lima malam Lailatulqadar dari dua puluh lima tahun. Kemudian diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. dalam beberapa tahun.

Fasa yang kedua adalah penurunan al-Quran secara beransur-ansur. Perkara ini diambil daripada kalimah *nazzala* yang membawa maksud penurunan secara berulang di dalam surah al-Baqarah ayat 23;

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّن مِّثْلِهِ ۚ وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِّن دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ۚ ۲۳

(Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (Al-Quran) kepada hamba kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang

sebanding dengan Al-Quran itu dan panggilah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar).

Penurunan al-Quran secara beransur-ansur ini berlaku selama 23 tahun iaitu 13 tahun di Mekah mengikut kepada pendapat yang rajih dan 10 tahun bakinya di Madinah. Adapun begitu, kitab-kitab samawi yang terdahulu iaitu Taurat, Zabur dan Injil diturunkan secara sekaligus berdasarkan firman Allah s.w.t. di dalam surah al-Furqan ayat 32;

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْ مَا نُزِّلَ عَلَيْهِ الْقُرْآنُ جُمْلَةً □ □ وَحِدَةً □ □ كَذَلِكَ لِنُثَبِّتَ بِهِ فُؤَادَكَ □ □
وَرَتَّلَهُ تَرْتِيلًا □ □ ۳۲ ۱

(Dan orang-orang yang kafir berkata: Mengapa tidak diturunkan Al-Quran itu kepada Muhammad semuanya sekali (dengan sekaligus)? Al-Quran diturunkan dengan cara (beransur-ansur) itu kerana Kami hendak menetapkan hatimu (wahai Muhammad) dengannya dan Kami nyatakan bacaannya kepadamu dengan teratur satu persatu).

PENDIDIKAN DALAM AL-QURAN

Al-Quran telah diwahyukan kepada baginda Nabi Muhammad s.a.w. melalui perantaraan Malaikat Jibrail a.s. sebagai panduan atau sumber utama umat manusia. Al-Quran juga diwahyukan untuk mendidik jiwa manusia dan umat Islam khususnya untuk menjalani kehidupan di dunia ini sebaik mungkin serta mengaplikasikan keimanan yang dilafaz melalui Rukun Iman tentang kewujudan Hari Kiamat yang pasti berlaku dan dunia sebagai tempat sementara sebelum ke sana. Selain itu, al-Quran turut sentiasa mengajak manusia untuk sentiasa berfikir dan memerhati serta merenungi tanda-tanda kekuasaan Allah s.w.t. yang terdapat dan mampu dirasai oleh pancaindera.

Dalam konteks pendidikan, proses pendidikan ini telah berlaku sejak awal kewujudan manusia yang dinamakan Nabi Adam a.s. Hal ini telah dijelaskan oleh Allah s.w.t. melalui firmanNya di dalam surah al-Baqarah ayat 31 yang bermaksud;

(Dan Dia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Dia berfirman: Terangkanlah kepadaKu nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar).

Dalil ini menerangkan bahawa Allah s.w.t mengajar Nabi Adam a.s. akan setiap satu nama benda yang terdapat di alam dunia. Hal ini secara tidak langsung memudahkan Nabi Adam a.s. dan keturunannya tinggal di dunia sehingga berlakunya kiamat (Kamarul Azmi & Ab Halim 2007). Pengetahuan kepada nama dan asas sesuatu benda atau perkara merupakan kunci utama kepada penghasilan ilmu terhadap manusia. Disebabkan itu, manusia dipertanggungjawabkan sebagai ketua atau khalifah untuk memakmurkan alam dunia ini sehingga kiamat.

Pendidikan al-Quran juga menerangkan tentang objektif utama penciptaan manusia iaitu untuk memperhambakan atau menyerahkan diri dengan seikhlas hati kepada Allah s.w.t. yang seterusnya mencapai kebahagiaan di dunia dan seterusnya di akhirat. Hal ini diingatkan oleh Allah s.w.t. di dalam firmanNya dalam surah ad-Dzariyat ayat 56 yang bermaksud;

(Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu).

Oleh itu, untuk menjana kekuatan sesebuah negara dan bangsa, perkara asas yang perlu dititikberatkan adalah mengenai urusan pendidikan. Pendidikan agama khususnya perlu dikembangkan di setiap lapisan pendidikan yang ada dan bersumberkan kepada al-Quran sebagai sumber utama.

IMPLIKASI AL-QURAN DARI SUDUT ILMU BAHASA

Al-Quran yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w. mempunyai banyak kelebihan. Antara kelebihanannya adalah kitab al-Quran yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. adalah dengan menggunakan Bahasa Arab. Hal ini jelas diterangkan oleh Allah s.w.t. dalam firmanNya;

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ٢

(*Sesungguhnya Kami menurunkan kitab itu sebagai Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya.*)

وَلَقَدْ نَعَلْنَا أَنَّهُمْ يَقُولُونَ إِنَّمَا يُعَلِّمُهُ بَشَرٌ لِّسَانُ الَّذِي يُلْحِدُونَ إِلَيْهِ أَعْجَمِيٌّ وَهَذَا لِسَانٌ عَرَبِيٌّ مُبِينٌ ١٠٣

(*Dan demi sesungguhnya Kami mengetahui, bahawa mereka yang musyrik itu berkata: Sebenarnya dia diajar oleh seorang manusia. (Padahal) bahasa orang yang mereka sandarkan tuduhan kepadanya itu ialah bahasa asing, sedang Al-Quran ini berbahasa Arab yang fasih nyata.*)

Kedua-dua firman Allah tersebut memperlihatkan akan kekuasaan Allah s.w.t. yang mengangkat Bahasa Arab sebagai bahas paling utama berbanding dengan bahasa lain di dunia dengan menurunkan al-Quran dalam Bahasa Arab. Bahasa Arab adalah bahasa yang digunakan dan dituturkan oleh bangsa Arab. Kaedah untuk memahami Bahasa Arab dilihat hanya dengan kaedah periwayatan. Dengan kata lain, seseorang yang berkeinginan untuk memahami bahasa al-Quran perlu baginya untuk menuntut ilmu daripada bangsanya iaitu bangsa Arab serta bermuamalah dengan mereka untuk mendapatkan penggunaan kalimah yang tepat dalam kehidupan seharian. Kaedah ini turut disebut oleh Ibn Khaldun sebagai kaedah *an-Naqliyah* iaitu kaedah transformatif.

Untuk mendapatkan kefahaman yang tepat dari al-Quran, perlu kepada penguasaan Bahasa Arab yang baik. Tanpanya, mustahil untuk manusia memahami mukjizat agung Baginda s.a.w. ini. Melihat kepada keadaan ini, para ulama menyusun pelbagai karya hasil dari pembelajaran mereka dalam dunia ilmu untuk dicurahkan dan digunakan oleh manusia. Antara penulisan yang masyhur adalah Alfiah Ibn Malik (Ibn Malik), Qatron Nada (Ibn Hisyam), Lisanul Arab (Ibn Mandzur), al-Mu'jib (Jamaluddin) dan banyak lagi.

Secara umumnya, majoriti manusia yang mempelajari al-Quran secara mendalam adalah sangat memerlukan kepada penguasaan ilmu Bahasa Arab. Hal ini untuk memudahkan agar mendapat kefahaman yang sebenar dan tidak terpesong daripada intipati yang diturunkan.

PEMBENTUKKAN AKHLAK MULIA

Sebelum diutuskan Nabi Muhammad s.a.w. kepada bangsa Arab dan manusia keseluruhannya, manusia dilihat dalam keadaan tidak mempunyai pendidikan, tiada peradaban dan tiada sifat menghormati manusia yang lain. Keadaan di semenanjung Arab ketika ini dinamakan sebagai Zaman Jahiliyyah. Hal ini berlaku berikutan ketiadaan Rasul yang menjadi utusan Allah s.w.t. selepas kewafatan Nabi Isa a.s. sehinggalah kelahiran Nabi Muhammad s.a.w. Situasi ini berlaku sekitar 300 tahun selepas kewafatan Nabi Isa a.s.

Penurunan kitab al-Quran kepada Rasulullah s.a.w. merupakan satu petunjuk jelas yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. supaya umat manusia lebih sempurna dan memperbaiki dari segala yang kurang baik kepada yang lebih baik. Akhlak dan kebaikkian yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. itu sendiri secara tidak langsung menggambarkan isi kandungan di dalam al-Quran seperti firman Allah s.w.t. dalam surah al-Ahzab ayat 21;

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ
كَثِيرًا ٢١

(Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)).

Perkara ini dilihat sebagai petunjuk daripada Allah supaya manusia mengikut dan mengambil teladan daripada setiap perbuatan, tingkah laku, tutur kata dan segala yang disandarkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan untuk umat manusia pada hari ini boleh mengetahui dan mempelajarinya melalui periwayatan hadith.

AL-QURAN MENJELASKAN PERIHAL PERKARA GHAIB

Manusia diciptakan oleh Allah s.w.t. sebagai ciptaanNya yang termulia. Kemuliaan ini termasuk juga dari aspek manusia yang mempunyai pancaindera untuk mengetahui, merasa, menyentuh dan sebagainya untuk hidup. Walaupun begitu, kelebihan yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. ini tidak dapat menggapai akan pengetahuan mengenai perkara yang tidak mampu diketahui oleh manusia iaitu perkara ghaib. Melihat kepada hal ini, tujuan al-Quran diturunkan juga untuk menjelaskan kepada manusia mengenai perkara ghaib.

Perkara ghaib adalah satu keadaan yang tidak dapat difahami atau dirasai oleh pancaindera dan akal. Ini kerana pancaindera dan akal manusia adalah sangat terbatas kepenggunaannya. Hal ini dikuatkan lagi oleh dalil Allah s.w.t. di dalam surah Luqman ayat 34;

إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيُنزِلُ الْغَيْثَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْحَامِ وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ □ مَّاذَا تَكْسِبُ غَدًا □ أَوْ مَا تَدْرِي نَفْسٌ بِأَيِّ أَرْضٍ □ تَمُوتُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ۝ ٣٤

(Sesungguhnya di sisi Allah pengetahuan yang tepat tentang hari kiamat dan Dialah jua Yang Menurunkan hujan dan Yang Mengetahui dengan sebenar-benarnya tentang apa yang ada dalam rahim (ibu yang mengandung) dan tiada seseorang pun yang betul mengetahui apa yang akan diusahakannya esok (samada baik atau jahat); dan tiada seorangpun yang dapat mengetahui di bumi negeri manakah dia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Amat Meliputi pengetahuanNya).

Ayat ini menjelaskan akan keberbatasan penggunaan akal dan pancaindera manusia yang tidak mampu untuk mengetahui sesuatu yang di luar kotak pemikiran. Dan hanya Allah s.w.t. sahaja yang Maha Mengetahui sesuatu yang ghaib yang tidak diketahui oleh manusia. Mempercayai perkara ghaib termasuk sebagai rukun Iman di dalam Islam.

Antara perkara ghaib yang wajib diketahui dan diimani oleh umat Islam adalah Hari Kiamat. Termasuk dalam istilah Hari Kiamat ini adalah perkara-perkara yang berkaitan kebangkitan, perhentian di Padang Mashyar serta keadaan di sana. Al-Quran turut menjelaskan hal keadaan makhluk semasa dihisab dan ke arah mana kesudahan mereka serta perkara-perkara mengenai balasan kenikmatan dan kesiksaan.

Selain itu, terdapat juga perihal ghaib yang diceritakan oleh al-Quran mengenai kandungan yang berada di dalam perut ibu. Perkara yang diceritakan termasuk perihal kejadian seorang bayi dari air mani, memasukkan roh ke dalam jasad bayi, pemakanan bayi di dalam rahim dan sebagainya.

Oleh itu, dapat difahami bahawa al-Quran adalah mukjizat Allah s.w.t. kepada Baginda s.a.w. yang melampaui zaman. Segala perkara berkenaan bayi contohnya telah diterangkan oleh al-Quran pada 1,400 tahun yang lampau dan dibuktikan oleh ilmu sains pada hari ini akan kebenarannya.

PENUTUP

Setiap satu kejadian mempunyai hikmahnya yang tersendiri begitu juga dengan sejarah penurunan al-Quran. Penurunan al-Quran kepada Nabi Muhammad s.a.w. adalah merupakan mukjizat teragung Nabi Muhammad s.a.w. Peristiwa ini bukan sahaja mengambil suatu tempoh yang agak lama, bahkan ia sarat dengan pengajaran dan keteladanan yang perlu diikuti sebagai umat Nabi Muhammad s.a.w. yang beriman.

Penurunan al-Quran sebagai kitab yang samawi yang terakhir diturunkan memberikan implikasi yang sangat positif kepada manusia sepanjang zaman. Melalui penurunan tersebut, manusia mampu untuk mengembangkan ketamadunan dan peradaban manusia itu sendiri. Segala

perkara yang berlaku pada hari ini kebanyakannya telah diceritakan oleh al-Quran. Ini membuktikan bahawa al-Quran itu adalah benar dan kandungannya merentasi zaman.

RUJUKAN

- Mohamah Nor. 2015. *al-Quran al-Karim Terjemahan dan Tajwid Bewarna*. Selangor: Karya Bestari
- Manna Al-Qaththan. 2006. *Mabaahits Fii Ulumil Quran, alih bahasa Aunur Rafiq El-Mazni*. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar
- Jalaluddin as-Suyuti. 2005. *Al-Itqan Fii Ulumil Quran*. Mesir: Pejabat utama al-Azhar as-Syarif
- Abdul Mukti Baharuddin Muhammad, Sahlawati Abu Bakar, Khairunnisa Ismail & Wan Ramizah Hasan. *Ulum Al-Quran Muyassarah*. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Aderi Che Noh, Noraini Omar & Nur Hanani Hussin. 2014. *Sumber Pendidikan Islam*. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM
- Moh. Arif. 2013. *Membangun Kepribadian Muslim Melalui Takwa Dan Jihad*, Kalam: Jurnal Studi Agama dan Pemikiran Islam
- Rusdiana Navlia Khulaisie. 2016. *Hakikat Kepribadian Muslim, Seri Pemahaman Jiwa Terhadap Konsep Insan Kamil*
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah Shahrudin. 2012. *Pendidikan Menurut Al-Quran Dan Sunnah Serta Peranannya Dalam Memperkasakan Tamadun Ummah* (Education According to al-Quran and Sunnah and Its Role in Strengthening the Civilization of Ummah) Jurnal Hadhari Special Edition (2012) 7 - 22 Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Kamarul Azmi & Jasmi 'Atiqah Selamat. 2013. *Al-Quran Satu Mukjizat Yang Menakjubkan*. UTM Press: Fakulti Tamadun Islam UTM Johor